

bahagian i  
Darah Daging

Darah daging yang digendung di sepanjang perjalanan itu adalah satu ketentuan. Tidak ada siapa boleh menduga apa yang akan berlaku, bagaimana dan ke mana. Ayah pergi sewaktu usianya masih muda ditembak gerila komunis di zaman darurat. Emak yang sangat dimanjakan ayah tiba-tiba menerima tanggungjawab membesarkan anak-anak. Mujur ada getah tua di celah-celah belukar keliling rumah. Emak mahu memastikan anak-anaknya makan walaupun pucuk ubi dengan garam belacan. Kesemua anak-anak yang besar, Yeop, Ngah, De, merantau mencari hidup masing-masing termasuk kakak, Yang, mengikut suaminya, seorang tentera. Mereka jarang pulang. Emak mahu memastikan dua anak yang tinggal, Sitam dan Asiah menjadi "pandai" dalam pelajaran. Entah dari mana emak tahu bahawa pelajaran itu penting sebab dia buta huruf. Rumah kami tidak ada radio. Tidak seorang pun anak kampung Jeram Mengkuang masa itu menjadi peon apa lagi pegawai untuk memberikan inspirasi. Emak membuat berbagai kerja, menoreh getah, membuat sawah padi darat di belukar-belukar, bertanam jagung di tepi sungai, ada kala berternak kambing dan ayam itik. Kerap juga membuat kuih untuk dijual. Hasil tanaman keliling rumah juga menjadi duit walaupun sesen dua. Semuanya diuruskan oleh tulang empat keratnya. Asiah dan Sitam diheretnya ke sana kemari. Setelah besar sedikit Asiah dan Sitam membantu emak. Setiap kali emak solat, dia kerap duduk lama berdoa, entah apa didoakannya. Apabila malam, amat gelap di sekitar rumah, sunyi kerana rumah kami terpencil jauh dari orang lain. Emak kerap menyatakan rasa takut. Emak menjaga anak-anaknya lebih daripada menjaga nyawanya. Sampai masa, satu... satu... kami meninggalkan dia untuk belajar di tingkatan enam tinggal di asrama dan kemudian ke universiti dan ke luar negeri. Emak tinggal sendirian dengan ketakutannya, tetapi bangga. Kini Asiah sudah menjadi emak. Gerak hidup Asiah adalah seperti emak, saban masa bekerja dan berdoa. Kini Asiah tahu apa yang

**Darah Daging**

dia mahu dari Allah untuk anaknya, kemudian untuk menantunya dan akhirnya untuk cucunya. Seperti emak, Asiah hanya berharap supaya Allah memberkati doanya. Kerap juga terasa takut sekiranya doa tidak menjadi. Pada suatu subuh di bulan Ramadhan, emak pergi dipanggil Allah SWT. Sitam ada di sisinya. Asiah yang berada di perantauan terkedu. Secebis darah dagingnya gugur. Perit tidak terhingga. Namun, cebisan-cebisan darah daging yang masih tinggal perlu terus mengkempal kehidupan... menerima ketentuan.